

DIMENSI EKONOMI-POLITIK PENDATANG ASAL INDONESIA DI SABAH¹

*(The Political-Economy Dimension of Indonesian Immigrants
in Sabah)*

W.Shawaluddin W.Hasaan, Zaini Othman & Marja Azlima Omar

Abstract

This article seeks to analyze the political economic dimension of the Indonesian immigrants in Sabah. It focuses primarily on the selected issues, namely, Indonesian labour, illegal immigrants, remittance, Tionghua refugees, barter trade, and smuggling activities. This paper also examines the involvement of the Indonesian immigrants in the Sabah's economic sector. Their achievement in the society at large is also assessed. Lastly, this paper concludes that the presence of Indonesian immigrants, regardless of their status as temporary foreign immigrants from Indonesia (PAAI) or Indonesian immigrants (PAI) leaves significant impacts on the societal structure of the Sabahan, particularly on the aspect of the political economy.

Pengenalan

Dari sudut pembangunan politik Malaysia, Sabah merupakan salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia yang bukan sahaja mempunyai ragam masyarakat² yang pelbagai dan kompleks berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, tetapi juga sering dilabelkan³ sebagai antara negeri dalam Persekutuan yang mempunyai permasalahan sosial, ekonomi dan juga politik yang paling meruncing dengan pendatang asing berbanding dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan Malaysia. Ini jelas apabila memperkatakan tentang permasalahan dan juga fenomena pendatang asing di Sabah, ianya merupakan antara isu "tergantungan" yang telah memberi kesan struktural dan juga non-struktural terhadap pemerintah Malaysia. Antara kesan struktural yang timbul adalah keperluan kepada pemerintah Malaysia untuk menggubal satu dasar yang khusus bagi menangani keperluan undang-undang terhadap pendatang-pendatang tersebut dan juga persoalan keselamatan negara. Manakala, kesan non-struktural ialah impak sosioekonomi yang muncul melalui kehadiran mereka dalam pembangunan ekonomi-politik tempatan.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis implikasi ekonomi-politik yang timbul oleh kehadiran dan kemunculan pendatang asing Indonesia di negeri Sabah secara khusus. Untuk tujuan itu perbincangan makalah ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan mendebatkan

perbincangan berhubung dengan pendatang asing di Sabah dalam konteks tempatan khususnya dalam kerangka perbincangan dan penganalisaan akademik berhubung dengan fenomena pendatang asing Indonesia di Malaysia amnya. Bahagian kedua pula akan membincangkan bentuk dimensi ekonomi-politik yang melibatkan kedua-dua buah negara. Bahagian ketiga akan memberikan tumpuan khusus terhadap impak ekonomi politik yang timbul kesan daripada kehadiran pendatang asing Indonesia di Sabah khasnya dan Malaysia amnya dan akhir sekali kesimpulan.

Pendatang Asing di Sabah: Pemaknaan Istilah.

Sebarang perbincangan dan penelitian berhubung dengan pendatang, khususnya di Sabah, apatah lagi dalam konteks kerangka perbincangan yang bertunjangkan negara-bangsa [*nation-state*] seperti Malaysia, memerlukan suatu bentuk penganalisan dan penelitian yang komprehensif. Maksudnya di sini memerlukan suatu pemaknaan dan kefahaman yang konkrit tentang siapakah itu pendatang di Sabah. Misalnya, istilah pendatang amat sinonim dengan istilah pendatang asing; yang merupakan suatu istilah sosial yang luas sifatnya dan begitu umum sekali skopnya, secara tidak langsung sama sekali berbeza dengan istilah pendatang asal, apatah lagi jika dikecilkan ruang lingkup pendatang asal itu kepada pendatang asal Indonesia.

Justeru, sebelum perbincangan lanjut dilakukan, adalah perlu kupasan konseptual dibuat terhadap beberapa konsep yang berkait rapat dengan perbincangan makalah ini bagi mengelak sebarang salah faham intelektual berhubung dengan konsep ataupun istilah yang digunakan. Istilah pendatang asing secara khususnya mempunyai dua dimensi makna yang berbeza sama ada dari sudut pemakaian atau pengaplikasiannya. Pertama dari sudut *Authority-defined*⁴ iaitu pendatang asing yang berada di sesebuah negara dengan status yang sah atau yang berasaskan kepada proses perundangan yang jelas serta mengikut prosedur sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak pemerintah. Lazimnya, pendatang asing *authority-defined* kategori yang pertama ini tidak menimbulkan polemik atau perdebatan ekonomi-politik dalam konteks politik Malaysia. Antara kelompok pendatang asing yang tergolong di dalam pemaknaan ini ialah seperti golongan ekspatriat, pelancong asing yang hadir ke dalam negara dengan dokumen yang sah, kelompok diplomat yang berstatus diplomatik, kelompok yang mempunyai taraf pemastautin tetap dan lain-lain kelompok asing yang diklasifikasikan sebagai tidak menyalahi akta atau peraturan imigresen negara.

Kedua, adalah dimensi *Everyday-defined*⁵ iaitu dalam konteks epistemologi masyarakat Malaysia apabila disebut atau menyentuh pendatang asing secara automatiknya masyarakat negara ini merujuk kepada pendatang asing tanpa izin atau yang berstatus tidak sah di dalam kerangka perundangan Malaysia. Dalam konteks pembangunan ekonomi-politik Malaysia, khususnya yang bermula semenjak era 70-an hingga kini, pendatang asing dimensi *Everyday-defined* inilah yang menimbulkan polemik dan isu ekonomi-politik di kalangan pembuat dasar, NGO's, ilmuwan dan juga masyarakat keseluruhannya. Dianggarkan buat masa ini terdapat lebih kurang 2 juta pendatang asing di Malaysia yang membentuk 23 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja negara ini; yang majoritinya terdiri daripada tenaga kerja asing Indonesia dan Filipina. Dari jumlah tersebut 2/3 tenaga kerja asing adalah berstatus sebagai Tenaga Kerja Asing Tanpa Permit.⁶

Walaupun wujud perbezaan dari segi pemaknaan intelektual terhadap istilah pendatang asing tersebut, namun terdapat persamaan antara kedua-duanya iaitu, setiap pendatang asing mempunyai negara-asal masing-masing. Maka, ini menimbulkan suatu persoalan pengistilahan yang seterusnya yang juga memerlukan kepada kupasan dan pemaknaan yang jelas iaitu Pendatang Asing Asal. Dalam konteks Malaysia, pendatang asing secara autoritinya, bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan negara, diklasifikasikan mengikut negara asal masing-masing. Umpamanya, terdapat pengkategorian seperti Pendatang Asing Asal Indonesia; Pendatang Asing Asal Myanmar; Pendatang Asing Asal Filipina; Pendatang Asing Asal India, Pendatang Asing Asal Thailand; Pendatang Asing Asal Kemboja dan begitulah seterusnya.⁷

Justeru, apakah wujud perbezaan terminologi di antara Pendatang Asing Asal Indonesia [PAAI] dengan Pendatang Asal Indonesia [PAI]. Mengikut penelitian penulis, wujud perbezaan terminologi yang jelas antara keduanya. PAAI, adalah pendatang asing yang datang ke negara ini tanpa mempunyai niat atau objektif untuk tinggal secara tetap di negara ini; dan mereka ini kebanyakannya adalah pendatang asing yang mulai masuk ke negara ini pada pertengahan 1970an, iaitu era di mana negara Malaysia mulai difokuskan untuk membangunkan ekonominya secara komprehensif berasaskan kepada ekonomi komersial berasaskan industri. Tujuan utama kedatangan mereka adalah untuk mencari pekerjaan dan membawa pulang hasil pendapatan pekerjaan tersebut ke negara Indonesia. Manakala, PAI adalah pendatang asing yang telah berhijrah ke negara ini mulai tahun-tahun 30an, 40an dan 50an, menetap secara tetap dan sudah pun mempunyai peringkat generasi kedua dan ketiga. Tujuan asal mereka migrasi ke Sabah adalah untuk mencari dan membentuk sebuah kehidupan yang lebih baik berbanding dengan tempat asal mereka di Indonesia. Pendatang asing kategori ini, secara sosiologinya telah menyerap masuk secara konstruktif ke dalam struktur sosioekonomi dan juga sosiopolitik masyarakat tempatan pada masa kini.⁸

Di Sabah, umpamanya, PAAI dan PAI adalah dua kategori pendatang yang berbeza dan mempunyai impak sosial, ekonomi dan politik yang berbeza kepada negeri ini. Walau bagaimanapun, kedua-duanya adalah pendatang; dan bagi pandangan masyarakat tempatan Sabah, mereka adalah kelompok pendatang asing yang tidak “dialu-alukan” kehadirannya. Untuk tujuan perbincangan dan penelitian makalah ini, istilah pendatang asal Indonesia adalah merujuk kepada kedua-dua kategori tersebut; ini kerana sebagaimana yang dinyatakan sepintas lalu di atas, “kehadiran” mereka, sama ada yang berkategori PAAI atau PAI, adalah secara sosiologinya tidak dialu-alukan oleh masyarakat tempatan.⁹

Pendatang Asal Indonesia di Sabah: Imbauan Sejarah

Dari sudut geografi, Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak; negeri ini juga dikenali dengan panggilan “Negeri Di Bawah bayu”. Sewaktu berada di bawah penjajahan dan pentadbiran British, negeri ini dikenali sebagai Borneo Utara, salah satu wilayah *British Crown Colony*. Ibu negeri Sabah adalah Kota Kinabalu [berstatus Bandaraya]. Sebelum bermulanya pentadbiran British di Sabah, negeri ini dikuasai oleh dua buah Kesultanan Melayu iaitu Kesultanan Brunei yang menguasai sebahagian besar kawasan Pantai Barat Sabah dan Kesultanan Sulu di sebahagian besar kawasan Pantai Timur Sabah.

Pada tahun 1881, Sabah dikuasai oleh Syarikat Berpiagam British Borneo Utara [SBBU], dan seterusnya pada tahun 1888 menjadi sebuah wilayah lindungan [*protectotarate*] Empayar British dengan hal-ehwal pentadbiran dalaman masih dikendalikan oleh SBBU. Pada tahun 1946, pentadbiran SBBU ke atas Sabah telah berakhir dan kuasa pentadbiran diserahkan kepada pihak kerajaan British sepenuhnya. Semenjak itu, Sabah telah menjadi salah sebuah wilayah koloni British Borneo Utara. Pada 31 Ogos 1963, iaitu lebih kurang 16 hari sebelum Sabah bersetuju untuk membentuk Persekutuan Malaysia bersama-sama dengan Sarawak, Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, British telah menganugerahkan status *self-government* kepada Sabah.

Berdasarkan kepada banci penduduk yang dijalankan pada tahun 2000, jumlah penduduk Sabah adalah seramai 2,449,389 orang, yang terbahagi kepada 32 kumpulan etnik yang diiktiraf oleh pemerintah negeri sebagai penduduk Sabah. Kumpulan-kumpulan etnik yang ada di Sabah secara strukturnya boleh dibahagikan kepada 2 kumpulan yang besar iaitu Peribumi dan Bukan-peribumi. Dalam struktur ini, kumpulan etnik Peribumi terbahagi kepada dua kelompok yang khusus iaitu Peribumi Islam dan Peribumi Bukan-Islam. Manakala, kumpulan etnik Bukan-peribumi pula terdiri daripada etnik Cina dan juga India. Kumpulan etnik Kadazan-Dusun¹⁰ merupakan kumpulan etnik Peribumi yang terbesar di negeri Sabah, iaitu membentuk 25 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk Sabah. Sementara etnik Bajau dan Murut adalah kumpulan etnik Peribumi yang kedua dan ketiga terbanyak di Sabah iaitu meliputi masing-masing 15 dan 3 peratus daripada keseluruhan populasi Sabah. Manakala etnik Cina pula merupakan kumpulan etnik Bukan-peribumi yang terbesar dengan membentuk sebanyak 20 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah.

Dari satu sudut atau dimensi yang lain, Sabah juga merupakan negeri kepada lebih daripada 800,000 ribu pendatang asing sama ada yang berasal daripada Indonesia, Filipina, Pakistan dan juga Cina. Pendatang asing Filipina dan juga Indonesia merupakan kelompok pendatang asing terbesar di Sabah melebihi iaitu daripada 70 peratus keseluruhan jumlah pendatang asing di Sabah; dan sebilangan besarnya adalah berstatuskan Pendatang Tanpa Izin [PATI] yang tertumpu di bandar-bandar utama seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Lahat Datu, Semporna, Tawau dan juga Keningau. Rata-rata golongan pendatang asing ini bekerja di sektor-sektor ekonomi seperti perladangan, pembinaan, restoran dan juga beberapa sektor komersial yang lain.

Sejarah kedatangan pendatang asing Indonesia sama ada yang bersifat PAAI atau PAI ke negeri Sabah hendaklah difahami di dalam kerangka epistemologi "alam-melayu". Sebagaimana yang dijelaskan di awal perbincangan bahagian ini, Sabah sebelum berada di bawah pentadbiran British [sama ada SBBU atau Kerajaan Koloni British], merupakan wilayah yang dikuasai sepenuhnya oleh dua buah Kesultanan Melayu iaitu Brunei dan Sulu; dan pada waktu itu Sabah merupakan kawasan yang bebas direntas.¹¹

Namun, semua ini [baca kawasan bebas rentas] berakhir dengan kehadiran penjajah Barat yang kemudian telah menetapkan sempadan politik iaitu Inggeris di Sarawak dan Sabah, Belanda di Kalimantan, manakala Sepanyol dan seterusnya Amerika Syarikat di Filipina. Kehadiran penjajah pada kurun ke 19 kemudian telah menetapkan garis sempadan politik yang kekal sehinggalah wilayah-wilayah ini merdeka di bawah konsep negara-bangsa Malaysia, Indonesia dan Filipina selepas berakhirnya Perang Dunia Ke-2. Bagi tujuan pengurusan dan pemantauan

pentadbiran, khasnya dalam aspek imigresen, penjajah telah memperkenalkan peraturan pemilikan dokumen perjalanan kepada setiap penduduk. Walaubagaimanapun masih ada dalam kalangan rakyat tempatan pada waktu itu yang tidak mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak pentadbiran penjajah dalam urusan keluar-masuk sempadan.

Selain itu, kewujudan sempadan politik kekal telah secara politiknya memisahkan kumpulan etnik yang asalnya tinggal di dalam satu entiti kedaerahan yang sama. Contoh yang paling jelas dapat dilihat dalam konteks ialah etnik Murut yang mendiami di kawasan pendalaman Sabah di Daerah Kecil Pagalungan yang terletak di bawah pentadbiran Daerah Nabawan kini. Sebelum wujudnya konsep negara-bangsa Malaysia ataupun Indonesia, daerah ini dikenali sebagai daerah Murut. Semenjak pembentukan negara-bangsa Indonesia pada tahun 1947 dan kemudiannya Malaysia pada tahun 1963, telah secara politiknya memisahkan etnik ini kepada Murut-Malaysia dan Murut-Indonesia, walhal sebelum ini konsep Murut-Malaysia dan Murut-Indonesia langsung tidak wujud dalam konteks kehidupan harian mereka. Meskipun sempadan politik ini wujud namun ia tidak menghalang komuniti peribumi Murut untuk kunjung-mengunjungi sanak saudara mahupun menjalankan kegiatan perniagaan tanpa langsung mempedulikan penggunaan pasport serta dokumen perjalanan yang tertentu.¹²

Sewaktu di bawah SBBU, orang-orang Cina serta Jawa telah dibawa masuk ke Borneo sebagai pekerja estet bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di bawah sistem kapitalisme penjajah. Mereka diperlukan memandangkan jumlah komuniti peribumi terlalu kecil serta tidak sesuai untuk kerja-kerja di lombong mahupun ladang disamping tenaga kerja yang didatangkan dari Sulawesi, Kalimantan, India, Pakistan dan Ceylon, Pulau Cocos, peribumi Sarawak (Iban) serta Sulu dari Filipina dan sebilangan kecil penduduk Eropah atau *Eurasians*. Komuniti Bugis juga turut dibawa masuk bagi memenuhi keperluan tenaga-kerja di ladang kelapa di Tawau pada 1870-an. Faktor tolakan dan tarikan boleh menjelaskan kehadiran ramai komuniti Indonesia di Sabah. Antaranya ialah keadaan ekonomi di negara asal [baca faktor penolak] yang tidak menjamin pulangan kualiti kehidupan yang sejahtera serta keperluan substantif ekonomi Sabah [baca faktor tarikan] khususnya di sektor pembalakan, perladangan, pembinaan pada masa tersebut dan situasi ini kekal hingga kini.

Justeru, istilah “pendatang” merupakan satu istilah “baru” dalam konteks mobiliti sosial masyarakat di alam Melayu. Istilah ini berkembang—samada secara dirancang atau sebaliknya—sering dengan keperluan penjajah pada ketika untuk tujuan kepentingan ekonomi-politik mereka disamping memudahkan tadbir-urus pihak penjajah di tanah jajahan mereka. Maka, istilah pendatang yang diguna-pakai pada masa kini merupakan istilah yang direka cipta oleh pihak penjajah; dan dalam konteks inilah juga perbincangan seterusnya diasaskan.

Pendatang Asal Indonesia di Sabah: Dimensi Ekonomi-politik

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan dan kemudiannya bersama-sama membentuk gagasan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, ramai yang mengambil kesempatan menjadi warga Malaysia. Namun terdapat juga kelompok etnik tertentu, walaupun sudah lama tinggal dan berada di Sabah yang samada secara teknikal atau sebaliknya “gagal” menempatkan diri sebagai warganegara, antaranya ialah sebahagian besar etnik Sulu yang kekal sebagai pendatang. Dalam

Banci penduduk yang dilakukan pada tahun 1970, jumlah penduduk bukan warganegara adalah seramai 20, 505 (3.14%) dan jumlah ini meningkat kepada 90,030 (9.42%) pada tahun 1980. Peningkatan jumlah pendatang yang agak mendadak atau drastik ini dapat dijelaskan kerana pada tahun 1970-an Sabah mula menerima kebanjiran pelarian daripada selatan Filipina berikutan dengan pengumuman Darurat pada tahun 1972 oleh Presdien Marcos [Presiden Filipina pada ketika itu] ekoran daripada teretusnya konflik bersenjata antara Manila dan wilayah Selatan Filipina.¹³ Dalam masa yang sama kehadiran pendatang di Sabah turut bertambah melalui kemasukan pendatang berketurunan Bugis, Jawa serta Timur dari Indonesia.

Impaknya, Sabah mempunyai warga asing yang paling ramai berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Pada tahun 1991, terdapat sekitar 805,000 warga asing di Malaysia dan dari jumlah tersebut sebanyak 464,786 berada di Sabah. Jumlah ini bertambah kepada 1.384 juta warga asing di Malaysia pada tahun 2000 di Malaysia, dimana sebanyak 614,824 orang berada di Sabah.¹⁴ Meskipun begitu adalah dijangkakan bahawa jumlah sebenar pendatang asing di Sabah khasnya dan Malaysai amnya melebihi daripada jumlah rasmi yang diperolehi daripada proses banci.

Dalam konteks pembangunan ekonomi Malaysia, Sabah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang paling dinamik pertumbuhan serta perkembangan ekonominya sejak tahun 1960-an.¹⁵ Dalam konteks ini pertumbuhan ekonomi begitu jelas ketara dalam sektor-sektor seperti perhutanan, perladangan, pembinaan dan domestik. Namun Sabah berhadapan dengan dua isu utama. Pertama mempunyai jumlah penduduk kurang dua juta. Kedua penduduk terlalu memilih bidang pekerjaan yang diceburi iaitu tidak melakukan pekerjaan yang dikaitkan dengan 3D.¹⁶ Sikap memilih pekerjaan dalam kalangan penduduk tempatan amat berkait rapat dengan faktor kadar upah yang rendah dan tidak kompetitif¹⁷, justru menyebabkan ramai penduduk tempatan yang mengambil keputusan untuk bekerja di tempat lain khususnya di Semenanjung Malaysia dan juga Singapura yang menawarkan kadar upah yang lebih baik. Oleh itu Sabah terpaksa bergantung kepada tenaga buruh import, khususnya pendatang asing yang berasal dari Indonesia dan Filipina. Kini di Sabah terdapat lebih 100,000 TKI serta setengah juta pendatang tanpa izin Indonesia di Sabah.¹⁸

Tenaga Kerja Indonesia.

Kehadiran tenaga kerja Indonesia (TKI) di Sabah sangat membantu pembangunan ekonomi yang berlaku. Tidak seperti di Semenanjung Malaysia, di Sabah dua negara merupakan sumber tenaga kerjanya iaitu Indonesia dan Filipina. Di samping itu, pekerja asing ini hanya dibenarkan bekerja di dalam sektor tertentu seperti perladangan, perkilangan, pembuatan, pembinaan, perikanan, pembalakan, penternakan, perlombongan, perkhidmatan dan pembantu rumah.

Namun tidak seperti tenaga kerja Filipina, TKI tergolong dalam kurang mahir dan berpendidikan rendah. Oleh itu kebanyakan mereka terbabit dalam sektor seperti perladangan, pembalakan, pembinaan dan kerja domestik sebagai buruh kurang mahir. Memandangkan mereka dianggap buruh kurang mahir maka gaji yang diterima juga rendah atau kecil.

Jadual 1: Bilangan Pekerja Asing Mengikut Negara Asal di Sabah, 1995-2005

Warga/ Tahun	Indonesia	Bangladesh	Filipina	Thailand	Pakistan	Lain-lain	Jumlah
1995	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
1996	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
1997	19,763 (82.37%)	0	4,229 (17.63%)	0	0	0	23,992 (100%)
1998	76,441 (81.47%)	0	17,383 (18.53%)	0	0	0	93,824 (100%)
1999	112,699 (83.26)	0	22,651 (16.74%)	0	0	0	135,350 (100%)
2000	86,760 (91.10%)	0	8,258 (8.67%)	0	0	213 (0.22%)	95,231 (100%)
2001	91,871 (89.31%)	3	10,666 (10.37%)	8 (0.01%)	10	314 (0.30%)	102,872 (100%)
2002	132,031 (90.44%)	0	13,944 (9.55%)	0	0	5	145,980 (100%)
2003	153,721 (94.43%)	0	9,063 (5.57%)	0	0	5	162,789 (100%)
2004	168,875 (95.17%)	0	8,569 (4.83%)	0	0	6	177,450 (100%)
2005	95,900 (93.77%)	0	6,365 (6.22%)	0	0	0	102,265 (100%)

Sumber: Azizah Kassim, "Profail Warga Asing Di Sabah dan Pola Petempatan Mereka di Kota Kinabalu" dalam *Pola Petempatan dan Organisasi Sosio-ekonomi Kumpulan dan Komuniti Pendatang Asing Di Sabah: Satu Kajian Kes Di Kota Kinabalu dan Kawasan Sekitarnya*. Laporan Akhir Projek Penyelidikan IRPA, Kod Projek 07—2-10-0022-EA0022, 2006.

Walau bagaimanapun dari segi bilangan, TKI mengatasi buruh dari Filipina iaitu sekitar 80-90 %. Misalnya dari tahun 1997 hingga 1999 jumlahnya sekitar purata 82.3%. Manakala dari tahun 2000-2005, jumlah purata ialah sebanyak 92.3%. Sebenarnya trend ini bukan baru tetapi boleh dikesan sejak 1970-an dan 1980-an lagi.

Berdasarkan temu bual yang dibuat didapati beberapa sebab mengapa TKI lebih dipilih berbanding Tenaga Kerja Filipina. Di antaranya ialah rajin, lasak (terutama bagi kerja di ladang dan pembinaan), gaji murah, mudah mendapatkan TKI, boleh dipercayai (terutama etnik Timor) dan mudah dari segi pengurusan.¹⁹ Di samping itu menurut *Federation of Sabah Manufacturers (FSM)* mengemukakan sebab seperti sikap yang serius tentang kerja, lebih efisien dan produktiviti lebih dan kurang menimbulkan masalah.²⁰ Jika TKI rata-rata merupakan buruh pembinaan atau buruh ladang, Tenaga Kerja Filipina sebaliknya pula membuat kerja sebagai pembantu rumah, penyanyi, tukang urut dan jururawat. Namun berbanding TKI, gaji TKF lebih mahal. Alasannya ialah mereka mempunyai kelulusan lebih tinggi jika dibandingkan TKI serta pandai berbahasa Inggeris.

Kiriman Wang

Bagi banyak negara yang mempunyai tenaga kerja di luar negara, kiriman wang merupakan sumber pendapatan kepada negara.²¹ Filipina, Thailand, Bangladesh, India dan Pakistan merupakan antara negara Asia yang mempunyai ramai rakyat

yang bekerja di luar negeri. Hal yang sama juga turut dialami oleh Indonesia yang mempunyai antara jumlah TKI yang ramai di luar negara.²² Namun pada masa sama turut juga membantu Indonesia kerana kiriman wang TKI ke kampung halaman masing-masing mampu digunakan keluarga untuk menjana aktiviti ekonomi yang lain.²³ Namun agak sukar untuk memperoleh data atau jumlah sebenar yang dikirimkan kembali oleh TKI ke Indonesia. Berdasarkan perkhidmatan yang disediakan kepada TKI oleh Bank Bumiputera Commerce dan PT Bank Niaga di Indonesia sekurang-kurangnya boleh memberikan sedikit gambaran mengenai jumlah kiriman wang ke Indonesia.

Jadual 2: Anggaran kiriman oleh TKI dan TKF di Sabah, 2001- Jun 2003 (RM juta)

Tahun	Indonesia	Filipina
2001	1.2	4.8
2002	1.5	6.0
Jan-Jun 2003	1.6	9.2

Sumber :Marja Azlima Omar et. al, "The Flow of Goods and Remittance in Sabah: An Overview" dalam *Sabah Society Journal*, Vol. 23 (2006).

Jumlah kiriman wang ke Indonesia ternyata jauh lebih kecil berbanding ke Filipina walaupun TKI serta pendatang Indonesia jauh lebih ramai di Sabah.. Dua penjelasan boleh diberikan iaitu TKI kiriman wang kembali ke Indonesia dibuat melalui saudara mara mahupun agensi tak berdaftar yang lain. M. Arif Nasution mendapati bahawa pendatang Indonesia yang memasuki Malaysia secara haram lazimnya menggunakan orang tengah untuk mengirim wang kembali ke Indonesia. Kebiasaannya jumlah yang dikirimkan melebihi RM1,000.²⁴ Jumlah kiriman TKI kecil juga disebabkan gaji mereka jauh lebih kecil berbanding TKF. Hal ini kerana majoriti TKI merupakan buruh kurang mahir. Menurut sumber Bank Dunia, pada tahun 2005 sejumlah USD1.883 bilion dihantar pulang ke Indonesia.²⁵ Memandangkan kiriman wang ke negara asal boleh merugikan ekonomi negara telah menyebabkan pihak kerajaan memikirkan untuk mewajibkan pekerja asing termasuk TKI menabung dalam KWSP. Namun cadangan ini terpaksa diketepikan pada 2001.

Pendatang Tanpa Izin

Kecuali beberapa kes,²⁶ TKI tidak menimbulkan masalah kerana kemasukan mereka melalui jalan yang sah. Yang menimbulkan masalah besar kepada pemerintah ialah pendatang tanpa izin. Namun ini tidak bermakna TKI tidak akan menjadi pendatang tanpa izin. Hal ini kerana jika TKI telah tamat tempoh kontrak tetapi tidak memperbaharunya mereka turut juga dikategorikan sebagai pendatang tanpa izin.²⁷ Dianggarkan terdapat sekitar setengah hingga sejuta pendatang tanpa izin di Sabah berbanding hampir 3 juta penduduk tempatan.²⁸ Sebahagian besar pendatang tanpa izin merupakan warga Indonesia. Kehadiran PATI dalam jumlah yang ramai sudah tentu boleh meninggalkan kesan kepada Malaysia misalnya dari segi keselamatan.

Hal ini kerana mereka merupakan penyumbang kepada kenaikan kadar jenayah di Sabah terutama jenayah kekerasan. Misalnya pada tahun 2002, indeks

kadar jenayah seperti pembunuhan, warga Indonesia, 21 (27.27%) berbanding warga Filipina, 32 (41.56%) dan penduduk lokal 24 kes (31.17%). Pada tahun 2003 pula, warga Indonesia 21 (34.43%), warga Filipina, 20 (32.79%) dan penduduk lokal 20 (32.79%). Tahun 2004 pula jumlah kes bunuh ialah 15 (20.83%) bagi warga Indonesia, warga Filipina, 26 (36.11%) dan penduduk lokal 31 (43.06%). Bagi jenayah indeks kekerasan, rogol pada tahun 2002, warga Indonesia sebanyak 11 (9.40%), warga Filipina 8 (6.87%) dan penduduk Local 98 (83.76%). Tahun 2003, warga Indonesia, 13 (11.71%), warga Filipina 10 (9%) dan penduduk tempatan pula 88 (79.29%). Pada tahun 2004, warga Indonesia 14 (8.81%), warga Filipina 12 (7.55%) dan penduduk lokal 133 (83.65%).²⁹

Manakala bagi jenayah indeks harta benda pula pada tahun 2002, kes pecah rumah curi malam hari misalnya yang melibatkan warga Indonesia sebanyak 78 (8.59%), warga Filipina 117 (12.88%) dan penduduk lokal pula 173 (78.52%). Tahun 2003, warga Indonesia 60 (6.18%), warga Filipina 66 kes (6.80%) dan penduduk lokal 844 (87.01%). Pada tahun 2004, warga Indonesia 35 (3.28%), warga Filipina 30 (2.81%) dan lokal pula 1001 (93.90%).³⁰ Sekilas pandang terhadap indeks kadar jenayah yang dinyatakan diatas memberi gambaran bahawa penduduk tempatan adalah kelompok yang paling tinggi terlibat dalam jenayah harta benda berbanding warga Indonesia dan Filipina. Namun jika digabungkan jumlah indeks jenayah yang melibatkan warga asing—samada ianya Indonesia atau Filipina—jelas menunjukkan bahawa keterlibatan warga asing dalam aktiviti penjenayahan di Sabah adalah serius dan tinggi berbanding dengan kadar keterlibatan masyarakat tempatan.

Jadual 3: Penglibatan Warga Asing dalam Penyeludupan dan Penagihan Dadah Berbanding Penduduk Lokal

	Ganja & Heroin			Syabu			Pil Psikotropik			Ubat Batuk		
Tahun	00	01	02	00	01	02	00	01	02	00	01	02
Penduduk lokal	96	66	34	625	631	763	39	8	3	61	39	27
Indonesia	7	2	2	69	127	111	1	0	0	0	33	0
Filipina	21	13	14	375	631	451	2	1	0	2	2	0
Lain-lain	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	124	82	50	1070	1550	1326	15	9	3	63	44	27

Sumber: Ibu pejabat Polis, Kontinjen Sabah

Berdasarkan jadual di atas ternyata bahawa penduduk tempatan mencatatkan kadar penglibatan yang tinggi berbanding dengan warga asing. Warga Filipina pula mencatatkan kadar yang tinggi berbanding warga Indonesia. Situasi ini turut menyumbang secara langsungnya kepada peningkatan jenayah rasuah³¹, khususnya untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan atau pasport³² bagi tujuan keselamatan diri. Selain itu, berdasarkan kepada kajian dan pemerhatian yang dilakukan oleh penulis, mereka juga turut 'didaftar' sebagai pengundi oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya.³³ Barangkali, dalam konteks kemaunusiaan agak keterlaluan untuk meletakkan segala kesalahan kepada mereka sebagaimana yang sering dilakukan oleh penduduk tempatan. Realitinya jika diperhalusi penglibatan pendatang dalam kegiatan jenayah kemungkinan

disebabkan kerana mereka tidak dibayar gaji oleh majikan, dibuang kerja ataupun kerana terdesak.

Kejadian seramai 17 pendatang Indonesia yang menjadi korban di Nunukan merupakan satu titik hitam dalam sejarah pengusiran pernah berlaku pada tahun 2002. Hal ini kerana pusat penempatan sementara di Nunukan cuma mempunyai kapasiti 17,000 orang tetapi dibanjiri seramai 200,000 pendatang yang diusir.³⁴ Korban tidak dapat dielakkan memandangkan keadaan terlalu sesak ditambah pula oleh persekitaran yang kotor mencetuskan merebaknya penyakit berjangkit. Tidak menghairankan mengapa berlaku korban di Nunukan.

Pelarian Cina/Tionghoa dari Indonesia

Di Sabah apabila membincangkan isu pelarian, mereka yang sering diperkatakan ialah pelarian Filipina.³⁵ Namun ramai yang tidak sedar bahawa Sabah juga turut melindungi seramai lebih kurang 3,000 pelarian Cina/Tionghoa daripada Indonesia.³⁶ Mereka merupakan pelarian sewaktu tercetusnya Gestapo di Indonesia yang telah membolehkan Orde Baru di bawah Soeharto muncul. Hal ini diikuti dengan sentimen anti-Cina/Tionghoa³⁷ yang mengakibatkan mereka menjadi sasaran dan ramai melarikan diri. Sebilangan kecil memasuki Tawau, Sabah dan diberikan perlindungan oleh Kerajaan Malaysia. Mereka kemudian telah diberikan dokumen IMM13 dan kekal sehingga kini di Sabah. Oleh kerana bilangan mereka kecil mereka begitu mudah mencampuri masyarakat Cina/Tionghoa yang sedia ada di Sabah. Jumlah mereka kini dianggarkan seramai 10,000 dengan sebahagian generasi pertama telah meninggal dunia tetapi ramai di kalangan anak-anak mereka telah diberikan taraf penduduk tetap.³⁸ Sehingga kini mereka masih berstatus pelarian dan memegang dokumen IMM13. Persoalannya apakah mereka akan dihantar pulang ke Indonesia setelah sekian lama berada serta berlandung di negara ini? Jawapannya mereka sudah terserap ke dalam masyarakat Cina/Tionghoa Sabah dan melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan dan perniagaan. Hal ini berkemungkinan akan menyukarkan mereka untuk kembali semula ke Indonesia.

Perdagangan Tukar Barang/Barter Trade

Perdagangan tukar barang merupakan satu lagi aspek yang cukup penting melibatkan Sabah-Kalimantan. Umum mengetahui bahawa perdagangan ini telah pun wujud sejak sebelum kedatangan penjajah Barat di Alam Melayu. Kehadiran pihak Barat tetap tidak menghalang perdagangan dari terus dijalankan hatta sehingga merdeka. Di Sabah, Tawau, Sandakan dan Lahad Datu merupakan tiga buah pelabuhan yang digazet sebagai pelabuhan ini. Namun Pelabuhan Tawau lebih banyak menguruskan perdagangan dengan Indonesia sedangkan Sandakan dan Lahad Datu lebih kepada Filipina.

Di antara barangan yang lazim dieksport ke Indonesia ialah barangan dapur seperti minyak masak, gula, telur, Nescafe, milo serta minuman bergas (coca cola, 7-Up, pepsi) serta pakaian 'second-hand'.³⁹ Manakala barangan yang diimport dari Indonesia ke Sabah pula ialah baju, sarung lelaki dan wanita, kain telekung, periuk belanga dan makanan ringan. Berdasarkan data 2001, nilai eksport Sabah (Malaysia) ke Indonesia ialah sebanyak RM368,727,988.51 berbanding barangan yang diimport oleh Malaysia daripada Indonesia yang cuma berjumlah RM32,846,965.94. Hal ini bermakna defisit bagi Indonesia sebanyak

Jadual 4: Nilai Import/Eksport Perdagangan Barter Indonesia.

Tahun	Import(RM)	Eksport (RM)	Jumlah (RM)
2001	368,256,085.56	32,846,965.94	401,103,051.50
2002	77,633,531.86	59,726,885.34	137,360,417.20
2003	52,158,309.39	154,337,129.67	206,495,439.06
2004	57,133,753.76	89,699,335.63	146,833,089.39
2005 (Jan-Nov)	58,409,947.29	92,308,587.06	150,718,534.35

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Daerah Tawau, Cawangan *Barter Trade* Disember 2005

RM335,409,119.60. Tahun berikutnya jumlah import Indonesia ialah sebanyak RM77,833,531.86 berbanding eksport ke Malaysia sebanyak RM59,726,885.34. Namun pada tahun 2003, nilai import Indonesia lebih kecil berbanding eksport iaitu RM52,158,309.39 dan RM154,337,129.63. Ternyata nilai dagangan kedua buah negara melalui perdagangan barter sangat besar sehingga memakmurkan Tawau sebagai pelabuhan penting di sebelah pantai timur.

Satu sebab mengapa Tawau disenangi oleh pedagang barter memandangkan Tawau jauh lebih dekat berbanding Samarinda mahupun Balikpapan. Kedekatan ini menyebabkan lebih mudah dan murah bagi penduduk Indonesia berhampiran berurusan dagang dengan Tawau.⁴⁰ Di samping itu kualiti barangan dan murah menyebabkan barangan Malaysia menjadi pilihan.⁴¹

Penyeludupan

Aktiviti ini merupakan satu masalah yang serius dihadapi di sepanjang sempadan Malaysia(Sabah) –Indonesia (Kalimantan Timur) serta Malaysia-Filipina. Penyeludupan merupakan pergerakan haram rentas sempadan melibatkan barang-barang yang dibawa masuk tanpa membayar cukai dan lebih signifikan lagi kerana pembabitian pendatang tanpa izin.⁴² Oleh itu aktiviti ini boleh merugikan sesebuah kerana cukai yang sepatut dikutip telah dielakkan oleh pihak tertentu. Dalam hal ini, kedua-dua Malaysia dan Indonesia kerugian berjuta-juta ringgit ekoran berlakunya penyeludupan di sempadan. Lebih dari itu, penyeludupan juga boleh mengancam keselamatan negara jika barang yang diseludupi masuk ke sesebuah negara merupakan senjata mahupun dadah.

Beberapa sebab mengapa penyeludupan berlaku. Pertama kerana geografi Sabah yang mempunyai pantai sepanjang 1,400 km serta hampir 200 buah pulau, cukup ideal bagi penyeludup. Kedua, kurangnya kawalan oleh pihak berkuasa di kawasan sempadan. Misalnya di Kalabakan yang merupakan bandar sempadan dengan Indonesia dikawal oleh 8 orang polis serta satu platun tentera. Ketiga, wujudnya pertalian di antara penduduk Indonesia dengan penduduk lokal di sepanjang pantai timur Sabah. Keempat, penyeludupan berlaku kerana barang-barang seperti rokok kretek atau kayu lebih murah di negara jiran dan mahal di Sabah.⁴³

Di antara barang-barang yang diseludup masuk ke Sabah dari Indonesia ialah rokok kretek, batik, pelek dan kayu bantelan. Pulau Nunukan dan sempadan Kalabakan merupakan dua jalan yang digunakan penyeludup untuk menyeludup masuk barang-barang. Sebaliknya diesel merupakan komoditi yang

diseludupkan keluar dari Sabah ke Indonesia serta Filipina. Penyeludupan dilakukan melibatkan beberapa kaedah antaranya yang utama ialah penggunaan rangkaian perdagangan barter menggunakan kapal kecil seperti kumpit, tumpel dan pancung. Selain itu, mereka turut juga menggunakan *speedboat* dengan enjin berkuasa 500 kuasa kuda yang jauh mengatasi bot yang dimiliki pihak berkuasa. Malah *speedboat* ini turut dilengkapi dengan senjata M-16. Lazimnya kaedah ini digunakan oleh penyeludup yang mahu membawa masuk dadah dan senjata.

Nilai barangan yang diseludup ke Sabah sangat tinggi serta cukup merisaukan pihak berkuasa. Tidak hairan mengapa Sabah dikatakan oleh Kerajaan Malaysia sebagai satu pusat penyeludupan selain Kelantan dan Johor. Pada tahun 2001 misalnya, pihak kastam telah merampas barangan yang bernilai RM5,351,771. Sepanjang 2001 juga seramai 1,276 orang telah ditangkap kerana menyeludup barang-barang. Malah dianggarkan kerajaan kerugian sebanyak RM5,487,848 dari segi cukai dan duti. Berdasarkan realiti ini cukup sukar untuk menangani masalah penyeludupan di sepanjang sempadan Malaysia-Indonesia meskipun usaha telah digiatkan oleh pihak berkuasa kedua-dua buah negara.

Penglibatan Ekonomi Pendatang Asal Indonesia di Sabah

Beberapa komuniti berasal dari Indonesia dikesan di Sabah. Di antara mereka ialah Bugis⁴⁴, Toraja⁴⁵, Jawa⁴⁶, Tidong, Banjar,⁴⁷ Timor⁴⁸ dan Buton. Tiga komuniti yang agak dominan di Sabah iaitu orang Bugis, Jawa dan Timor. Bagi komuniti yang tidak terlibat dalam sektor ekonomi seperti perladangan, pembinaan dan domestik, mereka terlibat di dalam sektor ekonomi informal di bandar-bandar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak. Boleh dikatakan sebahagian besar responden yang ditemui terdiri daripada pendatang serta mereka yang mempunyai dokumen. Persoalannya mengapa sektor ini? Beberapa penjelasan boleh diberikan di antaranya modal yang kecil, memerlukan kemahiran yang rendah, tenaga kecil terdiri daripada keluarga, harga barangan yang murah, tidak perlukan lesen dan sektor yang diceburi oleh pendatang.⁴⁹ Kajian yang dibuat oleh Samsualam Samsudin mendapati bahawa setiap komuniti ini terlibat dalam kegiatan ekonomi yang berbeza khususnya dalam sektor ekonomi informal. Misalnya orang Bugis menjalankan perniagaan mengusahakan gerai-gerai makanan dan minuman, aktiviti menjual daging dan ayam segar⁵⁰ dan rombongan.⁵¹ Komuniti Buton juga dilihat telah mendominasi aktiviti penjualan sayur-sayuran, ubi kentang, bawang, dan rempah ratus seperti serbuk kari, belacan, garam dan cili. Seperti orang Bugis, orang Jawa juga turut mengusahakan gerai makanan serta menjaja jamu. Komuniti Timor dikenali sebagai penanam serta penjual sayur.

Pencapaian Komuniti

Daripada pemerhatian yang dibuat didapati komuniti Bugis mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam pendidikan berbanding komuniti lain. Oleh itu, tidak menghairankan jika ramai di kalangan mereka yang berkesempatan belajar di universiti sehingga tamat meskipun tidak mempunyai dokumen.⁵² Bagi komuniti Bugis yang telah lama menetap di Sabah, pencapaian dalam beberapa bidang didapati sangat menggalakkan. Misalnya di Universiti Malaysia Sabah, Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Sanudin Tahir seorang Bugis dari Tawau.⁵³ Malahan beberapa orang tenaga akademik telah memiliki ijazah kedoktoran. Nama Haji

Tahir Pichu pula sangat terkenal di Tawau sebagai seorang usahawan berjaya dalam penternakan ayam.⁵⁴ Rastamas yang dimiliki Haji Tahir Pichu mempunyai 12 buah ladang ternakan yang mampu mengeluarkan sebanyak 400,000 ekor ayam sebulan. Malah dalam bidang pengangkutan, beberapa buah syarikat yang dimiliki oleh usahawan Bugis seperti Ekspres Ali Topan, Andisba, Sairah, Sri Pelangi, Edza dan Usaha Bone kesemuanya syarikat yang beroperasi dari Tawau-Kota Kinabalu. Nama seperti Salim Bacho, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kunak dari USNO serta YB Dr Patawari, ADUN Pulau Sebatek merupakan antara komuniti Bugis yang menyinar dalam politik.

Pencapaian komuniti Bugis ini bukan tanpa masalah kerana mereka masih di sangsi oleh penduduk asal Sabah sebagai pendatang. Malah status mereka dipertikaikan serta dikekalkan sebagai Bugis dalam Banci Penduduk 2000. Situasi ini bertentangan dengan komuniti Bugis yang berada di Semenanjung. Di Semenanjung, komuniti ini diklasifikasikan sebagai "MELAYU". Di Tawau misalnya sikap agresif komuniti Bugis dalam menguasai bidang pengangkutan dilihat menakutkan komuniti Cina/Tionghoa. Hal ini jelas berdasarkan penguasaan komuniti Cina/Tionghoa dalam bidang pengangkutan kini telah beralih tangan kepada komuniti Bugis.⁵⁵ Lantas bolehlah dikatakan komuniti Bugis (sebut Islam) di Sabah memberi kontribusi yang besar dalam mengukuhkan penguasaan Bumiputera Islam dalam beberapa bidang.

Impak

Impak dimensi hubungan kedua buah negara cukup besar. TKI misalnya merupakan satu isu yang cukup sensitif melibatkan kedua buah negara. Sebenarnya Malaysia tidak mempunyai sebarang masalah berhubung TKI di Sabah. Bahkan kedua buah negara telah memeterai perjanjian berhubung TKI. Namun, apabila pihak pemerintah Indonesia menuntut supaya kadar upah yang diberikan kepada TKI ditingkatkan ia menimbulkan polemik baru dalam konteks hubungan dua-hala Malaysia-Indonesia. Tuntutan terhadap kenaikan kadar upah TKI dibuat kesan daripada kenaikan terhadap kadar upah yang lebih tinggi yang diberikan oleh pemerintah Malaysia terhadap Tenaga Kerja Filipina (TKF), khususnya dalam sektor pembantu rumah.

PTI merupakan isu yang sering menimbulkan keresahan kedua buah negara terutama apabila Kuala Lumpur melancarkan operasi pemutihan atau pengampunan dari masa ke semasa. Misalnya pada tahun 2002, pengusiran yang dijalankan dari Sabah menyebabkan Pulau Nunukan dibanjiri PTI sehingga membawa kes kematian. Sudah tentu hal ini merupakan satu beban yang besar kepada Jakarta. Namun kesediaan kedua belah pihak untuk berunding boleh membuka kepada penyelesaian masalah yang boleh memuaskan hati kedua belah pihak. Sebagaimana yang sering disarankan oleh Malaysia, selesaikan masalah ini dipangkal. Jakarta harus memudahkan proses bagi rakyatnya mendapat dokumen untuk bekerja di Malaysia. Yang jelas apa yang berlaku ialah kesukaran rakyat Indonesia mendapatkan menyebabkan mereka memasuki Malaysia secara haram. Isu pengaliran keluar ringgit Malaysia ke Indonesia juga tidak timbul meskipun hal ini boleh dilihat sebagai kebocoran kepada ekonomi Malaysia.

Perdagangan barter yang dijalankan kedua buah negara memberikan keuntungan kepada kedua belah pihak. Tawau menyediakan barangan yang diperlukan oleh Indonesia (Kalimantan Timur). Begitu juga dengan penduduk

Indonesia menjadikan Tawau sebagai pusat memasarkan hasil yang dikeluarkan. Harga yang lebih mahal bagi komoditi yang dipasarkan serta kos yang murah menyebabkan Tawau lebih menjadi tarikan kepada penduduk Indonesia ini.

Pembabitan komuniti asal Indonesia dalam sektor ekonomi di Sabah sudah tentu membolehkan mereka lebih maju berbanding saudara mereka di Indonesia. Persepsi negatif masyarakat lokal terhadap mereka merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan memandangkan mereka merasakan kehadiran pendatang asal Indonesia ini merampas hak milik mereka. Namun dengan memiliki sikap kemandirian yang tinggi sudah tentu mereka mampu untuk terus bersaing dengan lokal secara sihat dan di akhirnya turut membantu memajukan Sabah.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan di dalam makalah ini, jelas menunjukkan bahawa Pendatang Asal Indonesia, sama ada yang dikategorikan sebagai PAAI atau PAI, mempunyai kesan signifikan terhadap perkembangan struktur masyarakat di negeri Sabah, khususnya dalam aspek ekonomi-politik. Dan dalam banyak hal, PENDATANG, dilihat dalam kalangan penduduk tempatan sebagai kelompok yang menggugat keselamatan ekonomi-politik mereka, khususnya dengan keterlibatan PENDATANG dalam aktiviti jenayah dan juga 'pengundi'. Namun dari dimensi yang positif, sifat kemandirian kelompok pendatang Indonesia yang begitu tinggi telah secara langsungnya menonjolkan mereka sebagai kelompok pendatang yang memberi sumbangan yang konstruktif kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi Sabah. Apapun, situasi sosio-ekonomi-politik yang kontradik ini jika tidak diurus dan tangani secara bijaksana oleh pemerintah boleh pada masa akan datang mengancam kestabilan sosio-politik negara-bangsa Malaysia, apatah lagi dalam konteks masyarakat tempatan Sabah, PENDATANG adalah sesuatu yang *taboo* di dalam minda budaya mereka.

Nota Hujung

¹ Versi asal makalah ini telah dibentangkan di Seminar 50 Tahun Hubungan Republik Indonesia-Malaysia, Universitas Hasanuddin, Makassar, 12hb. September 2007. Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas jemputan Kerajaan Indonesia untuk membentangkan kertas ini dan kepada rakan-rakan yang telah memberikan komen bagi tujuan penambahbaikan.

² Selain Sabah, Sarawak juga adalah salah satu negeri di dalam Persekutuan Malaysia yang mempunyai struktur masyarakat yang terdiri dari pelbagai rencam budaya. Rencam masyarakat ke-dua-dua negeri ini adalah lebih kompleks berbanding dengan struktur kerencaman masyarakat negeri-negeri lain di Malaysia.

³ Tulisan yang dihasilkan oleh P.Ramasamy, Azizah Kassim, dan Francis Loh Kok Wah telah mengungkapkan label ini dengan begitu jelas sekali. Untuk keterangan lanjut sila lihat P.Ramasamy "International Migration and Conflict: Foreign Labour in Malaysia," in Aris Ananta & Evi Nurvidya Arifin (eds.), *International Migration in Southeast Asia* (Singapore: ISEAS, 2005); Azizah Kassim, "Profail Warga Asing Di Sabah dan Pola Petempatan Mereka di Kota Kinabalu" dalam Pola Petempatan dan Organisasi Sosio-ekonomi Kumpulan dan Komuniti Pendatang Asing Di Sabah: Satu Kajian Kes Di Kota Kinabalu dan Kawasan Sekitarnya. Laporan Akhir Projek Penyelidikan IRPA, Kod Projek 07—2-10-0022-EA0022, 2006; Francis Loh Kok Wah. "Federal State Relations: Towards Decentralization and democratization," in *ALIRAN*. Vol. 28, No.4 (2008), hlm. 2-10.

- ⁴ *Authority-defined*, adalah pemaknaan atau pengkategorian sesuatu istilah sosial, ekonomi, atau politik yang digarap dan digubal oleh pemerintah sesebuah negara. Lihat John Schwarzmantel, *The State in Contemporary Society*. (London: Harvester, 1994). Lihat juga Roberat Keohane, *International Institutions and State Power* (London: Westview Press, 1989).
- ⁵ *Everyday-defined* merujuk kepada pemaknaan terhadap sesuatu istilah sosial, ekonomi atau politik berasaskan kepada pandangan sosiologikal sesebuah masyarakat. Misalnya, istilah Melayu dan Islam di Malaysia, secara sosiologikalnya disinonimkan bahawa Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu, walhal dari sudut autoritinya tidak semestinya begitu. Demikian juga dengan istilah Pendatang Asing di Malaysia sering kali disinonimkan atau diertikan sebagai golongan yang berada di negara ini secara tidak sah atau illegal statusnya.
- ⁶ Untuk keterangan lanjut sila lihat P.Ramasamy, "International Migration and Conflict."
- ⁷ Selain itu, menurut temubual yang dilakukan dengan pihak autoritas Malaysia, khususnya pihak Polis Diraja Malaysia [PDRM]. Pendatang asing asal ini diperincikan lagi kepada kelompok-kelompok yang lebih spesifik seperti Pendatang Asing Asal Indonesia-Keturunan Bugis atau Keturunan Madura atau Keturunan Jawa atau Keturunan Aceh atau Keturunan Ambon. Spesifikasi yang sama juga diberikan kepada pendatang-pendatang asing dari negara lain.
- ⁸ PAI yang berada di Sabah buat masa ini sudahpun melangkaui generasi ke-2 dan ke-3; dan majoriti generasi ke-2 dan ke-3 PAI ini menganggap Sabah adalah lokaliti "asal" mereka, apatah lagi secara sosialisasinya, melalui proses pendidikan, interaksi sosial dan budaya mereka telah terserap masuk ke dalam struktur masyarakat tempatan; yang akhirnya juga turut membentuk *world-view* mereka seiring dengan *world-view* masyarakat tempatan.
- ⁹ Ini termasuklah juga tenaga kerja Indonesia (TKI), pendatang tanpa izin (PATI) dan penduduk keturunan Indonesia yang telah menjadi warganegara Malaysia. Kami merasakan perlu untuk membincangkan kategori pendatang asal Indonesia kelompok ini memandangkan peri-penting ketiga-tiga kumpulan ini dalam konteks ekonomi-politik Sabah.
- ¹⁰ Majoriti etnik Kadazan-Dusun adalah Peribumi Sabah yang menganuti agama Kristian, sebahagian kecil masih lagi mengamal cara hidup animisme dan terdapat juga sebilangan daripada mereka yang beragama Islam. Namun secara sosiologikalnya apabila disebut etnik Kadazan-Dusun; kelompok ini disinonimkan sebagai penganut agama Kristian.
- ¹¹ Lihat Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1985), khususnya Bab Pengenalan.
- ¹² Untuk keterangan lanjut berhubung dengan perkara ini sila lihat Zaini Othman. " Nasionalisme dan Persoalan Identiti politik di Sempadan: Kajian Kes Komuniti Murut Bantul, Daerah Nabawan Sabah," *Jurnal SosioHumanika*, Vol.1, No.1 (Mei 2008), hlm. 141-166.
- ¹³ Salah Jubair, *Bangsamoro: A nation Under Endless Tyranny* (Kuala Lumpur: IQ Marin Sdn Bhd, 1999), hlm. 146.
- ¹⁴ Azizah Kassim, "Profail Warga Asing Di Sabah dan Pola Petempatan Mereka di Kota Kinabalu," dalam Pola Petempatan dan Organisasi Sosio-ekonomi Kumpulan dan Komuniti Pendatang Asing Di Sabah: Satu Kajian Kes Di Kota Kinabalu dan Kawasan Sekitarnya. Laporan Akhir Projek Penyelidikan IRPA, Kod Projek 07—2-10-0022-EA0022, 2006.
- ¹⁵ Pertumbuhan sekitar 9%-13% direkodkan pada 1960-an hingga 1970-an. Pertumbuhan disebabkan eksploitasi dan eksport pembalakan serta perladangan dan pengeluaran minyak. Lihat Pang Teck Wai, "Economic Growth and Developments in Sabah: 25 Years After Independence" dalam Jeffrey G. Kitingan & Maximus J. Ongkili (eds.), *Sabah 25 Years Later 1963-1988* (Kota Kinabalu: IDS, 1989), hlm.87-88.

- ¹⁶ Yang dimaksudkan 3D ialah *Danger* (merbahaya), *Difficult* (sukar) dan *Dirty* (kotor).
- ¹⁷ *Sabah Labour Ordinance* (1967) tidak menyentuh mengenai upah minimum. Hasilnya majikan di Sabah menawarkan upah yang rendah iaitu di antara RM100-180. Upah yang rendah ini tidak menarik minat penduduk tempatan bekerja di Sabah. Kekosongan ini dipenuhi oleh pendatang yang tidak menghiraukan upah rendah.
- ¹⁸ Bilangan ini cuma anggaran memandangkan sukar untuk mendapatkan Banci pendatang tanpa izin. Anggaran ini juga termasuk pendatang asal Filipina tetapi bilangan mereka tidak seramai PTI Indonesia.
- ¹⁹ Temubual yang dibuat di antara Januari 2006 hingga Julai 2007.
- ²⁰ Yap Cheen Boon, "Immigrant Workers in Sabah: Perspectives of the Federation of Sabah Manufacturers," dalam Azizah Kassim (ed.), *Proceedings of Seminar on Public Responses to Foreign Workers in Sabah* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2004), hlm. 23.
- ²¹ P. Ramasamy, "International Migration and Conflict," hlm. 277.
- ²² Kebanyakan TKI mahu ke Timur Tengah kerana mampu mendapatkan pendapatan yang lumayan. Negara-negara seperti Arab Saudi, Kuwait dan Emiriyah Arab Bersatu.
- ²³ M. Arif Nasution, "Aliran Pekerja Indonesia Ke Malaysia: Kes Tentang Pekerja Indonesia Dalam Sektor Pembinaan Di Kuala Lumpur," (Tesis PhD yang tidak diterbitkan. UKM, 1997), hlm. 312-320.
- ²⁴ *Ibid.*, 318.
- ²⁵ <http://siteresources.worldbank.org/INTPROSPECTS/Resources/3349341181678518183/Indonesi.pdf> (dilayari pada 6/8/2007).
- ²⁶ Kasus yang dimaksudkan ialah penderaan melampau yang dilakukan oleh majikan terhadap pekerja seperti Nirmala Bonat pada tahun 2004 serta Ceriyati Dapin pada bulan Julai 2007. Ceiryati Dapin pula cuba melarikan diri daripada didera oleh majikan dengan mengikat tali daripada bangunan di tingkat lima belas.
- ²⁷ W. Shawaluddin W. Hassan, Ramli Dollah & Zaini Othman, "Pemerintah dan Pendatang Asing" Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sabah 50 Tahun, Kota Kinabalu, 4-5 hb. September 2007.
- ²⁸ Anggaran oleh Azizah Kassim. Lihat Azizah Kassim, "Public Responses to the Presence and Employment of Foreign Nationals in Sabah: Preliminary Notes," dalam Azizah Kassim (ed.), *Proceedings of Seminar*, hlm. 81-83.
- ²⁹ Statistik Jenayah Indeks Kontinjen Polis Negeri Sabah.
- ³⁰ *Ibid.*
- ³¹ Misalnya pendatang akan memberi rasuah untuk memastikan tidak ditangkap polis.
- ³² Kesedaran bagi mendapatkan dokumen sangat tinggi di kalangan pendatang tanpa izin kerana menyedari kegunaannya seperti mengelakkan diri daripada ditangkap polis, menggunakan kemudahan seperti pendidikan, hospital mahupun memohon pekerjaan khususnya di jabatan kerajaan.
- ³³ Hal ini menjadi satu isu besar di dalam pilihan raya di Sabah pada tahun 1990-an. Mereka ini dikenali sebagai pengundi hantu. Malah dalam kajian pilihan raya 2008 lalu, fenomena pengundi hantu dari kalangan pendatang asing ini masih wujud. Untuk keterangan lanjut sila W.Shawaluddin W. Hassan & Md Saffie Abdul Rahim. "Pendatang Tanpa Izin & Pilihan Raya Umum ke-12: Kes Sabah," *Jurnal Kinabalu* [edisi khas Pilihan Raya Umum ke-12] . Bil. 14 (2008), hlm. 156-169.

- ³⁴ Marja Mazlima Omar, "TKI dan Implikasi Ke Atas Hubungan Dua Hala Malaysia-Indonesia" dalam Respon Pemerintah dan Rakyat Tempatan Terhadap Pendetang dan Pekerja Asing Di Sabah. Laporan Akhir Proejk Penyelidikan Fundamental UMS, Kod Projek: A-012-05-PR/U005, 2005, hlm 225.
- ³⁵ Isu pelarian Filipina di Sabah cukup sensitive terutama kepada dakwaan penduduk Bumiputera bukan Islam pada asalnya yang melihat kehadiran pelarian ini sebagai usaha pemerintah untuk meramaikan jumlah penduduk Islam. Oleh itu apabila Dato Nazri Tan Sri Aziz [dalam satu kenyataan akhbar] baru-baru ini menyatakan pelarian Filipina akan diberikan status penduduk tetap ia telah mencetuskan bantahan daripada ramai pihak khususnya kelompok pemimpin Sabah.
- ³⁶ Ceramah Pengarah Pasukan Petugas Khas Persekutuan di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah pada 26 hb Julai 2007.
- ³⁷ M.C. Ricklefs, *A History of Modern Indonesia Since C. 1200*, 3rd Ed. (Basingstoke, Hampshire: Palgrave, 2001), hlm. 312.
- ³⁸ Ceramah Pengarah Pasukan Petugas Khas Persekutuan di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah pada 26 hb Julai 2007.
- ³⁹ Temubual dengan seorang peniaga pakaian terpakai berbangsa Bugis dalam perjalanan feri dari Tawau ke Pulau Tarakan pada 4 hb. Mei 2007.
- ⁴⁰ Perkara yang sama dikesan berlaku di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat. Penduduk Kalimantan Barat mendapatkan bahan seperti beras, gula pasir, minyak goreng, daging, ayam, serta minuman kaleng dan air mineral dari Sarawak. Lihat Ade Makmur Kartawinata. "Kebijakan Pembangunan Perbatasan Indonesia dan Malaysia Suatu Perbandingan: Perspektif Sosio-Budaya di Provinsi Kalimantan Barat dan Sarawak," Kertas kerja yang dibentangkan dalam Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia ke 10, Bangi, 29-31 hb Mei 2007.
- ⁴¹ Bahkan penduduk di Pulau Tarakan mendapatkan air minuman berkarbonat. Kunjungan penulis ke Pulau Tarakan pada 4 hb Mei 2007.
- ⁴² Marja Azlima Omar et. al, "The Flow of Goods and Remittance in Sabah: An Overview," dalam *Sabah Society Journal*, Vol. 23 (2006), hlm. 58.
- ⁴³ Ibid., hlm. 56.
- ⁴⁴ Orang Bugis telah datang ke Tawau pada 1870-an membuka ladang kelapa. Sejak itu kehadiran mereka semakin bertambah di Sabah. Lihat Suraya Sintang, *Sejarah dan Budaya Bugis Di Tawau, Sabah* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007), hlm. Bab 1 & 2.
- ⁴⁵ Berasal dari Sulawesi dan didapati berada di Tawau. Namun bilangan sebenar mereka tidak diketahui.
- ⁴⁶ Orang Jawa telah dibawa masuk sebagai buruh kontrak selama 3 tahun berdasarkan satu perjanjian yang telah dibuat British dengan pihak Belanda. Sidney Jones, *Making Money Off Migrants: The Indonesian Exodus to Malaysia* (Hong Kong : Asia 2000 Ltd, 2000), hlm. 77.
- ⁴⁷ Komuniti Tidong merupakan penduduk yang berasal daripada kawasan sekitar sempadan Malaysia-Indonesia khususnya Bolongan. Lihat Jumat Abang Muhd Ali, "Pantai Timur Borneo Utara: Pertikaian Antara British dan Belanda Pada Abad ke 19," (Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda, Program Sejarah, UKM, 2004).
- ⁴⁸ Komuniti ini lebih dikenali dengan nama 'Om' berasal dari Flores. Tidak jelas mengapa nama Timor digunakan di Sabah.

- ⁴⁹ W. Shawaluddin W. Hassan & Ramli Dollah, "Pendatang dan Sector Informal di Kota Kinabalu," dalam Azizah Kassim, *Pola Petempatan dan Organisasi Sosio-ekonomi Kumpulan dan Komuniti Pendatang Asing Di Sabah: Satu Kajian Kes Di Kota Kinabalu dan Kawasan Sekitarnya*. Laporan Akhir Projek Penyelidikan IRPA, Kod Projek 07—2-10-0022-EA0022, 2006.
- ⁵⁰ Samsualam Samsudin, "Transmigrasi dan Sektor Informal: Kajian Kes Di Kota Kinabalu, Sabah." (Latihan Ilmiah Program Hubungan Industri, Sekolah Sains Sosial, 2005).
- ⁵¹ W. Shawaluddin W. Hassan & Ramli Dollah. "Orang Bugis dan Rombongan," manuskrip yang tidak diterbitkan.
- ⁵² Pengalaman penulis yang mempunyai beberapa pelajar yang tidak mempunyai dokumen.
- ⁵³ Anak Bugis kelahiran Sabah yang pertama memiliki ijazah kedoktoran pada 1990 daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang geologi.
- ⁵⁴ Arsiah Baharom. "Kegiatan Perekonomian Komuniti Bugis dan Sumbangan Terhadap Pembangunan Ekonomi Sabah," Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Komuniti Bugis Di Sabah pada 27 hb. Mei 2007.
- ⁵⁵ Temubual penulis dengan beberapa responden di Tawau pada 20 hb Mei 2007.